

01 SEP 2001

Hamid-Tabung Haji

SYED ANWAR JAMALULLAIL Pengerusi Panel Pelaburan Tabung Haji

SERDANG, 1 Sept (Bernama) -- Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail diumumkan sebagai pengerusi panel pelaburan Tabung Haji yang baru.

Pengumuman itu dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin pada sidang media selepas merasmikan seminar kebangsaan Pengajian Ilmu Al-Quran di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata pelantikan Syed Anwar itu berkuatkuasa hari ini.

Beliau berharap dengan kepakaran yang ada pada Syed Anwar akan dapat membantu Tabung Haji dalam bidang pelaburan.

Abdul Hamid juga berkata satu barisan anggota panel yang terdiri dari kalangan profesional akan turut dilantik tidak lama lagi bagi membantu Syed Anwar di dalam menjalankan tugasnya.

Syed Anwar, 45, mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pelaburan dan perakaunan dan pernah memegang jawatan tertinggi berkaitan bidang itu di beberapa syarikat dan agensi.

Antaranya ialah sebagai Juru audit Kanan Price Waterhouse, Australia, Pengurus Pelaburan D&C Nomura Merchant Bank Bhd dan Pengurus Kewangan Korporat Amanah Merchant Bank Bhd.

Beliau mempunyai kelulusan Certified Practising Accountant (CPA) dari Australia Society of Certified Practising Accountants (ASCPA), Akauntan Awam dari Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) dari Macquarie University, Sydney, Australia.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata panel pelaburan Tabung Haji akan dirombak bagi memastikan ia lebih berkesan dan mengelakkan berlakunya pelaburan tidak bijak.

Pengurusan Tabung Haji banyak diperkatakan kebelakangan ini terutama berkaitan tindakan pelaburannya bermula daripada penurunan bonus kepada penyimpan sehingga 5.5 peratus tahun lepas sedangkan pada kebiasaannya kadarnya tinggi seperti 8 peratus pada tahun 1999.

Masalah pengurusan Tabung Haji itu turut dibangkitkan di Dewan Rakyat.

Minggu ini Tabung Haji menjadi tajuk berita lagi mengenai kes penipuan membabitkan pengeluaran wang kira-kira RM8 juta daripada kaunter Tabung Haji melalui pemalsuan dokumen seperti kad pengenalan dan geran tanah.

Sementara itu Teras Pengupayaan Melayu atau Teras, sebuah pertubuhan yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pelbagai perkara mengenai orang Melayu berpejabat di Merbok Kedah, mengeluarkan kenyataan mendesak Pengerusi Tabung Haji Tan Sri Zainol Mahmod meletakkan jawatan.

Presiden Teras Mohamed Azmi Abdul Hamid berkata pentadbiran dan pengurusan tertinggi Tabung Haji perlu dirombak untuk memulihkan keyakinan rakyat dan mengembalikan maruah serta kredibiliti Tabung Haji.

-- BERNAMA

FA ES RON